

LUQATAH

PENGERTIAN HARTA LUQATAH

Harta Luqatah ialah harta yang terdicir daripada tuannya yang mempunyai nilai, yang dihormati di sisi Syarak. Maka tidak termasuk harta luqatah itu seperti arak, khinzir dan barangan muzik yang melalaikan. (Kitab Al-Muktamad Fi Fiqhi Syafii).

Harta Luqatah juga bermaksud harta yang hilang dari tuannya dan dijumpai oleh orang lain. Ia juga ditakrifkan sebagai harta tanpa milik yang dihormati yang dijumpai di sesuatu tempat yang tidak sepatutnya disimpan dan si penemunya tidak mengetahui orang yang berhak ke atas harta tersebut.

DALIL BERKAITAN HUKUM LUQATAH

Zaid bin Khalid Al-Juhani meriwayatkan, seorang lelaki bertanya Rasulullah S.A.W. berkenaan dengan harta luqatah lalu Baginda bersabda:

“Hebahkanlah harta tersebut selama setahun” (Al-Bukhari dan Muslim) Abu Hurairah meriwayatkan bahawa Rasulullah S.A.W. bersabda: “Tidak halal harta luqatah, sesiapa yang menjumpai sesuatu harta maka hendaklah ia hebahkan selama setahun.”

(Al-Daruqutni)

Ketika ditanya tentang Harta Luqatah Rasulullah S.A.W. bersabda:

“Kenalilah akan ikatan yang mengikat harta tersebut serta bekasnya, kemudian hebahkanlah selama setahun. Sekiranya kamu tidak menemui tuannya maka kamu boleh memilikinya dan membelanjakannya, dan hendaklah ia dijadikan sebagai barang simpanan di bawah jagaan kamu. Sekiranya pada suatu hari datang tuannya kepada kamu maka berikanlah kepadanya.”

(Al-Bukhari)

JENIS-JENIS HARTA LUQATAH

a) Luqatah Bukan Haiwan

Luqatah Bukan Haiwan terdiri daripada :

- Harta yang cepat rosak, seperti makanan. Dari segi hukum harta begini boleh diberi pilih kepada penemunya sama ada untuk memakan atau menggunakannya dan diganti, atau dia menjualnya dan menyimpan harganya;
- Harta yang cepat rosak tetapi boleh dijaga supaya tidak rosak. Bagi harta jenis ini wajib bagi penemunya mengambil tindakan yang sewajarnya bagi kepentingan pemilik asal iaitu menjual dan menyimpan harganya, melakukan sesuatu yang boleh mengelakkan harta tersebut dari rosak dengan belanja sendiri, atau dia menjual sebahagian harta tersebut bagi tujuan perbelanjaan penjagaan harta yang selebihnya;
- Harta yang tidak rosak. Bagi harta ini wajib bagi penemu menjaganya selama tempoh hebahan.

b) Luqatah Haiwan

Harus bagi penemu memelihara haiwan yang ditemuinya dan dikembalikan kepada tuannya apabila dituntut. Penemu boleh meminta dari tuan asalnya jumlah perbelanjaan yang digunakannya. Harus juga baginya menjual dan menyimpan wang hasil jualan.

HUKUM PEMILIKAN HARTA LUQATAH

Apabila seorang Muslim menemui barangan luqatah, dia digalakkan mengambilnya jika yakin mampu bersifat amanah dan bimbang barangan tersebut tidak akan ditemui oleh pemiliknya. Ini dilakukan bagi menjaga hak saudara Muslimnya. Jika dia tidak yakin akan bersikap amanah dan bimbang dia sendiri akan mengambil terus barangan tersebut, makruh baginya mengambilnya. Jika dia merasakan dirinya tidak akan bersikap amanah dan akan mengambilnya untuk memilikinya dan bukan untuk dikembalikan, haram baginya mengambilnya.

Rasulullah S.A.W. pernah menyentuh perkara ini:

“Orang yang mengambil barang yang hilang adalah berdosa selagi dia tidak menghebahkannya.”

(Ahmad)

Mengikut pandangan jumhur fuqaha, harus bagi penemu Harta Luqatah memiliki harta tersebut selepas tempoh hebahan sama ada beliau seorang yang kaya atau fakir. Jika harta tersebut telah dijual dia boleh memiliki harganya. Sekiranya pemilik asal ditemui beliau hendaklah mengembalikan harta atau harganya kepada pemilik tersebut sewajarnya.

PENYERAHAN HARGA LUQATAH KEPADA PERBADANAN BAITULMAL NEGERI SABAH (PBNS)

Di negeri Sabah khususnya, orang awam yang menemui barangan luqatah yang bernilai seperti barangan kemas dan seumpamanya haruslah diserahkan kepada PBNS. Ini kerana PBNS adalah agensi agama Islam yang berbidang kuasa dalam pengurusan harta luqatah.

Perkara ini diperuntukkan melalui Enakmen PBNS 1998, Seksyen 20 (2) (k) yang jelas menyatakan :

“Semua harta atau wang yang tercicir atau hilang yang tidak dituntut oleh tuannya selama setahun selepas notisnya diterbitkan diserahkan kepada dan boleh diterima oleh Baitulmal”

PBNS akan membuat hebahan kepada orang ramai selama setahun. Sekiranya tidak ada tuntutan Proses pelupusan akan dilaksanakan dengan kaedah yang berseusuaian dengan barangan luqatah tersebut seperti kaedah Jualan, Lelongan, Tender dan Musnah.

Maklumat lanjut sila hubungi PBNS di talian 088 - 279233.